

Program tanam dan pulih hutan bakau diatur

LAHAD DATU: Kelompok Perindustrian Kelapa Sawit (POIC), sebuah agensi kerajaan negeri Sabah, merancang melaksanakan program penanaman

dan pemulihan hutan bakau lebih besar pada masa hadapan.

Jurucakapnya berkata program berkenaan akan melibatkan lebih bnyak agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, pelajar serta masyarakat setempat.

“Program ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial POIC untuk masyarakat dan alam sekitar di Lahad Datu,” katanya.

POIC dan Jabatan Perhutanan Sabah hari ini mengadakan program penanaman semula pokok bakau dan pemuliharaan hutan bakau di sini. Lebih 100 orang terlibat menanam 1,000 pokok.

Pada majlis yang turut dihadiri Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah Datuk Datu Nasrun Datu Mansur, pihak penganjur turut melepaskan ibu ketam bakau ke dalam paya hutan bakau.

“Pelepasan ketam ini merupakan satu simbol usaha kami untuk mengekalkan ekologi hutan bakau yang merupakan kawasan hutan simpan di kawasan ini,” kata jurucakap itu.-

Bernama DE - 23/12/09